



CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PANDUAN PERKHIDMATAN PERUNDINGAN, LATIHAN DAN TUNJUK AJAR

Diterbitkan oleh :

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

29 Februari 2024

Penerbitan

Tarikh: 29 Februari 2024.

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2024 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Cukai Jualan dan Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

Pengenalan	1
Terminologi	1
Pengenaan dan Skop Cukai	1
Perubahan Kadar Cukai Perkhidmatan	1
Operasi Industri Secara Umum	2
Perkhidmatan Perundingan	2
Perkhidmatan Latihan	3
Perkhidmatan Tunjuk Ajar	4
Perkhidmatan Pendidikan.....	4
Layanan Cukai Perkhidmatan	5
Orang Kena Cukai	5
Nilai Ambang.....	6
Perkhidmatan Bercukai.....	7
Perkhidmatan Perundingan, Latihan dan Tunjuk ajar Yang Bukan Perkhidmatan Bercukai.....	17
Perkhidmatan Bercukai Berhubung Kawasan Ditetapkan (<i>Designated Area</i>)	21
Perkhidmatan Bercukai Berhubung Kawasan Khas (<i>Special Area</i>).....	22
Isu Peralihan	22
Seksyen 11(3)(c), Akta Cukai Perkhidmatan 2018.....	22
Peraturan 3A, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan) (No.3) 2018.....	24
Cukai Perkhidmatan yang Genap Masa (<i>Service Tax Due</i>).....	25
Pendaftaran dan Tanggungjawab Orang Berdaftar.....	25
Soalan – Soalan Lazim	28
Pertanyaan	36
Bantuan Selanjutnya dan Informasi Berkaitan SST	36

PENGENALAN

- 1) Cukai Perkhidmatan adalah cukai kepenggunaan yang ditadbir di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan perundangan subsidiari. Tarikh kuat kuasa Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah 1 September 2018.
- 2) Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan yang ditetapkan dikenali sebagai 'perkhidmatan bercukai'.
- 3) Seseorang yang menyediakan perkhidmatan bercukai melebihi jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan (nilai ambang) hendaklah berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan akan dikenali sebagai 'orang berdaftar' yang perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan kepada pelanggannya.
- 4) Panduan ini disediakan untuk meningkatkan pemahaman layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan perundingan, latihan, dan tunjuk ajar.

TERMINOLOGI

- 5) Perkataan-perkataan berikut mempunyai makna berikut di dalam panduan ini melainkan jika terdapat maksud yang berlainan:
 - (i) **"Kawasan Ditetapkan"** (KD) bermakna Labuan, Langkawi, Tioman dan Pangkor (Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018);
 - (ii) **"Kawasan Khas"** (KK) bermakna mana-mana kawasan zon bebas, gudang berlesen (Seksyen 65, Akta Kastam 1967) dan gudang pengilang berlesen (Seksyen 65(A), Akta Kastam 1967), kawasan pembangunan bersama dan pangkalan bekalan petroleum (Seksyen 77B, Akta Kastam 1967).

PENGENAAN DAN SKOP CUKAI

6) Bagi tujuan Akta Cukai Perkhidmatan 2018, berikut adalah tarikh penguatkuasaan cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan perundingan, perkhidmatan latihan, dan perkhidmatan tunjuk ajar:

PERKHIDMATAN	TARIKH KUAT KUASA	PERUNDANGAN
Perundingan	1 September 2018	Peraturan- Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 [P.U(A) 214 / 2018]
Latihan	1 Januari 2019	Peraturan- Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan) (No.3) 2018 [P.U.(A) 398 / 2018]
Tunjuk ajar	1 Januari 2019	

7) Perkhidmatan perundingan, latihan dan tunjuk ajar adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan seperti dinyatakan di bawah Kumpulan G, ruang (2), butiran (g), Jadual Pertama, Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

PERUBAHAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN

8) Selaras dengan subseksyen 10(2) ACP 2018, Menteri Kewangan telah menetapkan kadar cukai perkhidmatan dinaikkan daripada 6% kepada 8% mulai 1 Mac 2024 ke atas semua perkhidmatan bercukai kecuali penyediaan perkhidmatan makanan dan minuman, perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan ruang letak kenderaan dan perkhidmatan logistik. Kadar cukai perkhidmatan untuk kad kredit dan kad caj kekal dikenakan pada RM25/tahun.

9) Penyediaan perkhidmatan yang ditetapkan di ruang dua (2), Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 oleh orang kena cukai penyedia perkhidmatan perundingan, latihan dan tunjuk ajar adalah tertakluk pada kadar 8% kuat kuasa mulai 1 Mac 2024.

10) Layanan peralihan perubahan kadar cukai perkhidmatan boleh merujuk kepada **Panduan Peralihan Perubahan Kadar Cukai Perkhidmatan**.

OPERASI INDUSTRI SECARA UMUM

Perkhidmatan Perundingan

11) Perkhidmatan perundingan adalah satu perkhidmatan yang disediakan oleh perunding sama ada profesional atau tidak yang mempunyai kepakaran atau pengetahuan khusus. Perkhidmatan perundingan boleh diberikan kepada pelanggan atau pihak berkepentingan sama ada dalam bentuk pendapat, khidmat nasihat, laporan, penggredan, pensijilan, pengesahan, perakuan atau lain-lain perkhidmatan yang memerlukan kepakaran (tidak terhad pada sesuatu tauliah khas) dalam sesuatu bidang.

Contoh 1

Seseorang perunding akan memberikan nasihat, pendapat atau laporan kepada pelanggan dalam mengadaptasi amalan terbaik perniagaan, atau berkenaan keperluan perniagaan, perolehan, penjenamaan semula, rekabentuk dalaman dan lain-lain.

Contoh 2

Perkhidmatan perundingan yang diberikan dalam bentuk penggredan seperti penggredan tahap kestabilan sesuatu institusi seperti syarikat, penarafan projek, penarafan organisasi mahupun negara.

Contoh 3

Pemberi perkhidmatan penarafan yang dilantik untuk memberi penarafan ke atas sesuatu perkara berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan Berdasarkan penarafan yang diberi, ia akan membantu pelanggan atau pihak berkepentingan dalam membuat keputusan.

Contoh 4

Berikut adalah contoh sebahagian daripada senarai perkhidmatan perundingan yang lazim:-

- (i) Perkhidmatan perunding imej;
- (ii) Perkhidmatan perundingan bagi tujuan pendaftaran hak cipta paten atau harta intelektual;

- (iii) Perkhidmatan perundingan jaminan kualiti (Quality Assurance) yang berkaitan dengan sistem yang digunapakai oleh organisasi dalam semua aktiviti melibatkan rekabentuk, pemasaran, pengeluaran dan perkhidmatan selepas jualan seperti ISO 9000, ISO 9002 dan lain-lain;
- (iv) Perkhidmatan perunding dalam industri komputer termasuk pembelian komputer, pembangunan program / perisian, pembangunan pelaksanaan perisian, pemilihan sistem integrasi, pengurusan sistem maklumat komputer, menggubal strategi teknologi maklumat dan lain-lain perundingan yang berkaitan dengan projek komputer;
- (v) Perkhidmatan perundingan berbentuk nasihat teknikal / pakar berhubung apa-apa perkara melalui penggunaan peralatan khusus;
- (vi) Perkhidmatan perundingan yang disediakan oleh syarikat perunding asing jika mempunyai pejabat atau premis di Malaysia dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau badan profesional tertentu di Malaysia atau pun mempunyai ejen (Syarikat yang berdaftar dengan SSM / badan Professional) yang dilantik untuk bertindak bagi pihak syarikat perunding asing; atau
- (vii) Seseorang yang atas keperibadiannya dilantik sebagai pengarah syarikat di bawah kontrak untuk perkhidmatan dianggap sebagai menyediakan perkhidmatan perundingan.

Perkhidmatan Latihan

12) Perkhidmatan latihan adalah proses pemberian pengajaran atau pembangunan diri ke atas apa-apa kemahiran atau pengetahuan khusus bagi meningkatkan keupayaan, kapasiti, produktiviti atau prestasi seseorang.

Perkhidmatan Tunjuk Ajar

13) Perkhidmatan tunjuk ajar adalah suatu perkhidmatan oleh seseorang yang berpengetahuan atau berpengalaman dalam memberi segala macam nasihat dan ajaran kepada pelanggan. Lazimnya perkhidmatan ini dikendalikan oleh seseorang yang bertindak sebagai jurulatih dengan menyediakan latihan dan bimbingan untuk menyokong pelanggan dalam mencapai objektif.

Perkhidmatan Pendidikan

14) Berbeza dengan perkhidmatan perundingan, latihan atau tunjuk ajar, perkhidmatan pendidikan berada di dalam kategorinya sendiri. Penyediaan perkhidmatan pendidikan tidak termasuk di bawah mana-mana perkhidmatan bercukai sama ada perkhidmatan perundingan, latihan atau tunjuk ajar.

15) Perkhidmatan pendidikan di Malaysia dikategorikan seperti berikut:

- a) Pendidikan dan Penjagaan Awal Kanak-Kanak [*Early Childhood Care & Education* (ECCE)];
- b) Prasekolah;
- c) Sekolah Rendah;
- d) Sekolah Menengah; dan
- e) Pengajian Tinggi.

16) Kategori perkhidmatan pendidikan di atas juga dipanggil sebagai perkhidmatan pendidikan formal. Perkhidmatan pendidikan formal ini ada disediakan oleh kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun dan juga swasta.

17) Bagi pendidikan pra-pengajian tinggi (*pre-tertiary*), ia akan menggunakan kurikulum kebangsaan di bawah Akta Pendidikan 1996. Namun demikian terdapat sekolah yang menggunakan kurikulum kebangsaan negara asal seperti sekolah ekspatriat. Bagi pendidikan tinggi pula, ia diakreditasi oleh institusi tertentu seperti Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau bagi pendidikan teknikal dan latihan vokasional diakreditasi oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006, Kementerian Sumber Manusia.

18) Selain daripada perkhidmatan pendidikan formal, terdapat juga perkhidmatan pendidikan tidak formal seperti perkhidmatan kelas tuisyen dan yang tidak diakreditasi seperti kursus-kursus yang diberi oleh institusi pendidikan khusus kepada pelajarannya. Walaubagaimanapun, hanya pendidikan tidak formal yang diberi oleh pusat yang berdaftar dengan Akta pendidikan 1996 sahaja dianggap sebagai pemberi perkhidmatan pendidikan.

19) Bagi tujuan cukai perkhidmatan, perkhidmatan pendidikan yang dinyatakan di bawah perenggan 14 – 18 ini berada di luar skop perkhidmatan bercukai.


LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN

Orang Kena Cukai

20) Di bawah Butiran 7, Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dan Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan) (No.3) 2018, mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan perundingan, latihan atau tunjuk ajar adalah dianggap sebagai orang kena cukai.

21) Walau bagaimanapun terdapat kategori orang yang tidak dianggap sebagai orang kena cukai walaupun ia memberikan perkhidmatan perundingan, latihan atau tunjuk ajar. Kategori orang tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Syarikat yang diluluskan dengan status atau ditakrifkan sebagai syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak di bawah Seksyen 2 Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Institut penyelidikan yang diluluskan di bawah Seksyen 34B, Akta Cukai Pendapatan 1967
- (ii) Kerajaan Persekutuan;
- (iii) Kerajaan Negeri;
- (iv) Pihak Berkuasa Tempatan;



*dengan andaian sebagai orang berdaftar dan perkhidmatan diberikan di dalam Malaysia

(v) Badan Berkanun

22) Ini bermakna sekiranya perkhidmatan perundingan, latihan atau tunjuk ajar diberikan oleh orang-orang yang dinyatakan di atas [perenggan 21(i) – 21(v)], perkhidmatan tersebut tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

23) Walau bagaimanapun, kategori orang di perenggan 21(v) adalah merupakan orang kena cukai bagi perkhidmatan konsultasi untuk tempoh 01 September 2018 hingga 31 Disember 2018.

Nilai Ambang

24) Bagi tujuan cukai perkhidmatan, nilai ambang (*threshold*) bagi tujuan pendaftaran wajib bagi ketiga-tiga perkhidmatan adalah seperti berikut:

PERKHIDMATAN	NILAI AMBANG
Perundingan	RM500,000
Latihan	
Tunjuk ajar	

25) Bagi maksud Kumpulan G: Profesional, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, mana-mana orang kena cukai dalam ruang (1) Kumpulan G yang mempunyai jumlah nilai perkhidmatan bercukai, sama ada digabungkan atau tunggal, lebih daripada RM500,000 bagi mana-mana satu perkhidmatan bercukai atau lebih yang dinyatakan dalam ruang (2) Kumpulan G, adalah wajib untuk berdaftar.

Contoh 5

Ultimate ArchEngi Sdn Bhd (UASB) adalah sebuah syarikat yang memberikan perkhidmatan arkitek, kejuruteraan dan perundingan. Pendapatan syarikat untuk tempoh 12 bulan ke belakang daripada perkhidmatan arkitek, kejuruteraan dan perundingan adalah masing-masing sebanyak RM250,000, RM300,000 dan

RM100,000. Syarikat UASB adalah wajib berdaftar di bawah cukai perkhidmatan kerana nilai perkhidmatan bercukai yang diberikan untuk tempoh 12 bulan ke belakang adalah melebihi RM500,000 iaitu sebanyak RM650,000.

Perkhidmatan Bercukai

26) Bagi tujuan cukai perkhidmatan di bawah butiran (g), ruang (2), Kumpulan G: Profesional, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, perkhidmatan berikut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan:

- a) pemberian perkhidmatan perundingan termasuk perkhidmatan perundingan profesional selain perkhidmatan profesional yang disebut secara khusus dalam ruang (2), Kumpulan G: Profesional, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018;

- i) Perkhidmatan perundingan khidmat nasihat:

Antara contoh perkhidmatan perundingan khidmat nasihat adalah perkhidmatan perundingan kewangan, perundingan perniagaan, perundingan hiasan dalaman, perundingan kesihatan (yang tidak melibatkan rundingan Doktor / Hospital), perundingan pemakanan, perundingan pembinaan, perundingan imej dan lain-lain.

Contoh 6

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) melantik Syarikat Zufar ID Sdn Bhd (SZID) sebagai perunding dalam mereka bentuk susun atur pejabat JKDM yang baru. SZID mengenakan caj perundingan reka dalaman kepada JKDM. Caj perundingan tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 7

Shakira seorang artis muda yang sedang meningkat naik telah melantik seorang perunding imej bagi memastikan

penampilan sentiasa di tahap terbaik. Perkhidmatan perundingan imej yang diberikan adalah suatu perkhidmatan bercukai.

Contoh 8

Bank Malaysia Berhad (BMB) melantik sebuah Syarikat Konsultansi Imej (SKJ) untuk memberi ceramah dan latihan amali penjagaan imej korporat kepada kakitangannya. SKJ mengenakan caj latihan dan perundingan kepada BMB. Kedua-dua caj tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 9

Seseorang yang dilantik sebagai pengarah bukan eksekutif (PBE) atas kemampuan peribadinya di bawah kontrak untuk perkhidmatan bagi memberikan pendapat/khidmat nasihat pakar. Pengarah yang dilantik di bawah kontrak untuk perkhidmatan boleh mengenakan bayaran kepada syarikat dan bayaran tersebut dikenakan cukai perkhidmatan. Walau bagaimanapun, jika seseorang dilantik sebagai pengarah atas kapasiti jawatan yang disandang iaitu kontrak atas perkhidmatan atau pun bekerja dengan syarikat, maka ianya tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

- ii) Perkhidmatan perundingan khidmat nasihat yang disediakan oleh seseorang yang dilantik sebagai pengarah bukan eksekutif (PBE) atas kemampuan peribadinya di bawah kontrak.

Pengarah yang dilantik di bawah kontrak untuk perkhidmatan boleh mengenakan bayaran kepada syarikat dan bayaran tersebut dikenakan cukai perkhidmatan. Walau bagaimanapun, jika seseorang dilantik sebagai pengarah atas kapasiti jawatan yang disandang iaitu kontrak atas perkhidmatan atau pun bekerja dengan syarikat, maka ianya

tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

No.	Jenis Perkhidmatan	Tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan	Tidak tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan
1.	Imbuhan / Yuran Pengarah	√	
2.	Elaun Pengarah Contoh: Elaun mesyuarat, elaun bulanan, elaun Senior Independent Director (SID) dan lain-lain elaun.	√	
3.	Manfaat Berupa Barangan *	√	√
4.	Bayaran balik (<i>reimbursement</i>)	√	
5.	Pembayaran (<i>disbursement</i>)	√	

* Walau bagaimanapun, urus niaga tertentu tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan:

aa. Manfaat berupa barangan

Manfaat berupa barangan juga merupakan sebahagian daripada pakej saraan dan ia adalah sebagai insentif tambahan untuk pengarah. PBE boleh menerima faedah seperti elaun dari segi wang tunai yang diberikan secara langsung oleh syarikat yang melantik dan ia adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Walau bagaimanapun, kemudahan yang dibayar terus oleh syarikat kepada penyedia perkhidmatan

untuk dinikmati oleh PBE, tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

ab. Pembayaran (Disbursement)

Sila rujuk Panduan Cukai Perkhidmatan mengenai Disbursement and Reimbursement.

iii) Perkhidmatan perundingan yang tidak melibatkan khidmat nasihat:

Tidak semua perkhidmatan perundingan melibatkan pemberian khidmat nasihat. Terdapat situasi di mana perkhidmatan perundingan diberikan melalui penggredan seperti institusi penarafan kredit (*credit rating institutions*). Liputan penarafan yang diberikan boleh meliputi kewangan negara, kewangan korporat, termasuk institusi kewangan dan insurans, kewangan awam, dan projek infrastruktur dan projek kewangan.

Perkhidmatan penarafan yang diberikan adalah perkhidmatan bercukai di bawah kategori perkhidmatan perundingan. Pemberi perkhidmatan penggredan atau penarafan yang dilantik untuk memberi gred ke atas sesuatu perkara akan menggunakan kepakaran dan pengetahuan khusus yang ada untuk membuat analisis dan seterusnya mengeluarkan gred ke atas institusi tersebut. Ini adalah kerana berdasarkan penarafan yang diberikan ia akan membantu perniagaan atau pihak berkepentingan dalam membuat keputusan.

Contoh 10

Syarikat ABC Holding Berhad melantik satu agensi penarafan untuk memberikan penarafan ke atas suatu projek pembangunan yang ingin dibuat. Berdasarkan penarafan yang dibuat, projek tersebut diberi penarafan AAA. Agensi penarafan tersebut mengenakan caj perkhidmatan penarafan kepada ABC Holding Berhad. Perkhidmatan

penarafan yang diberikan adalah perkhidmatan bercukai di bawah kategori perkhidmatan perundingan.

iv) Perkhidmatan perundingan melibatkan pengujian (*testing*):

Terdapat keadaan di mana sesuatu perkhidmatan pengujian dianggap sebagai perkhidmatan perundingan. Keadaan tersebut adalah di mana apabila sesuatu syarikat itu dilantik untuk menjalankan ujian ke atas sesuatu perkara seperti barang, produk atau tanah. Dengan menggunakan kepakaran khusus, hasil ujian akan diberikan kepada pelanggan yang mana seterusnya akan menggunakan maklumat tersebut dalam membuat keputusan.

Contoh 11

*Syarikat O&G Sdn Bhd ingin membina pelantar minyak di suatu kawasan yang telah ditentukan. Pihak syarikat melantik Soil Sdn Bhd untuk memeriksa keadaan tanah bagi menentukan kebolehlaksanaan (*feasibility*) projek tersebut. Perkhidmatan yang diberikan oleh Soil Sdn Bhd kepada Syarikat O&G Sdn Bhd adalah perkhidmatan bercukai di bawah perkhidmatan perundingan.*

Contoh 12

Syarikat Metal Utiliti Sdn Bhd (MUSB) menghantar contoh paip besi yang telah dibentuk untuk ujian ketahanan. Satu laporan dihantar dengan maklumat hasil ujian. Perkhidmatan yang diberikan adalah perkhidmatan bercukai di bawah perkhidmatan perundingan walaupun tiada sebarang khidmat nasihat atau pendapat diberikan.

v) Perkhidmatan latihan yang dianggap sebagai perkhidmatan perundingan:

Bagi tujuan cukai perkhidmatan, terdapat keadaan di mana suatu perkhidmatan latihan yang dianggap sebagai perkhidmatan

perundingan. Ini merujuk kepada perkhidmatan latihan yang melibatkan pembekalan atau pembangunan suatu produk atau perkhidmatan yang memerlukan latihan khusus bagi penggunaan produk atau perkhidmatan yang diberikan.

Contoh 13

Kementerian Pertahanan Malaysia (KPM) melantik Armoury System Sdn Bhd (ASSB) untuk membangun, memasang, menyelenggara dan melatih kakitangan yang terlibat menggunakan sistem radar peluru berpandu. Bagi tujuan cukai perkhidmatan, ASSB adalah memberikan perkhidmatan bercukai di bawah perkhidmatan teknologi maklumat (IT) dan juga memberikan perkhidmatan bercukai di bawah perkhidmatan perundingan (latihan). Perkhidmatan latihan yang diberikan dianggap sebagai perkhidmatan perundingan kerana ia melibatkan suatu perkhidmatan latihan khusus bagi menggunakan produk yang dibangunkan.

- b) perkhidmatan latihan dengan atau tanpa pengeluaran perakuan yang baginya fi dikenakan;

Latihan adalah pengajaran atau pembangunan diri sendiri atau orang lain, apa-apa kemahiran atau pengetahuan yang khusus. Latihan mempunyai matlamat khusus untuk meningkatkan keupayaan, kapasiti, produktiviti dan prestasi. Perkhidmatan latihan adalah termasuk perkhidmatan kursus.

Bagi tujuan cukai perkhidmatan, perkhidmatan latihan merupakan suatu perkhidmatan bercukai kecuali perkhidmatan latihan yang dianggap sebagai perkhidmatan pendidikan seperti di bawah perenggan 14 – 18.

Manakala perkhidmatan latihan di bawah perenggan 26(a)(v) adalah

dianggap sebagai perkhidmatan bercukai di bawah perkhidmatan perundingan.

Contoh 14

Bank Malaysia Berhad (BMB) membeli satu sistem perbankan yang baru daripada pembekal sistem tersebut. Bagi memastikan semua kakitangan BMB yang terlibat mahir dalam menggunakan sistem tersebut, Lubnan IT Sdn Bhd (LIT) dilantik untuk memberikan perkhidmatan latihan penggunaan sistem tersebut. LIT mengenakan caj ke atas perkhidmatan latihan yang diberikan. Perkhidmatan latihan yang diberikan oleh LIT adalah perkhidmatan bercukai.

Contoh 15

Syarikat Crane Sdn Bhd (SCSB) menghantar kakitangan barunya yang terdiri daripada bakal pengendali kren menghadiri kursus pengendalian kren yang dijalankan oleh Crane Consulting Sdn Bhd (CCSB). CCSB mengenakan caj latihan kursus kepada SCSB. Perkhidmatan kursus pengendalian kren yang diberikan oleh CCSB adalah suatu perkhidmatan bercukai.

Contoh 16

Cik Yan ingin mendapatkan lesen memandu. Beliau mendaftar dengan Pusat Memandu Cemerlang Sdn Bhd (PMC) bagi mendapatkan latihan memandu. PMC mengenakan caj kepada Cik Yan bagi setiap kelas pemanduan yang dihadapinya. Perkhidmatan latihan memandu yang disediakan oleh PMC adalah suatu perkhidmatan bercukai.

Contoh 17

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) menganjurkan kursus terbuka penanaman cendawan dengan yuran RM25 setiap peserta. Perkhidmatan kursus penanam cendawan yang

dianjurkan oleh LPP tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Ini kerana LPP selaku sebuah badan berkanun merupakan bukan orang kena cukai (non-taxable person).

Contoh 18

Syarikat Haizadafarm Enterprise (SHE) menganjurkan kursus pembenihan cendawan tiram dengan yuran RM25 dikenakan setiap peserta. Perkhidmatan kursus pembenihan cendawan tiram yang dianjurkan oleh SHE adalah perkhidmatan bercukai.

Contoh 19

Universiti Awam Malaysia (UAM) merupakan sebuah Universiti Awam (UA) berstatus badan berkanun. UAM menganjurkan bengkel penulisan kreatif. Perkhidmatan latihan yang diadakan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana UAM bukan orang kena cukai (non-taxable person).

Contoh 20

Kolej Universiti Swasta Malaysia (KUSM) merupakan sebuah institusi pengajian tinggi swasta. KUSM menganjurkan kursus multimedia kepada orang ramai. Perkhidmatan kursus multimedia yang diadakan adalah perkhidmatan bercukai di bawah perkhidmatan latihan.

Contoh 21

Universiti Awam Malaysia (UAM) merupakan sebuah Universiti Awam berstatus badan berkanun. Kolej Penerbangan Swasta Malaysia (KPSM) sebuah institusi pengajian tinggi swasta yang merupakan anak syarikat kepada UAM. KPSM tidak berdaftar di bawah Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996.

KPSM menawarkan Diploma Eksekutif Penerbangan (DEP). DEP tidak mempunyai akreditasi daripada MQA. Oleh yang

demikian ia merupakan perkhidmatan latihan. Walau bagaimanapun sijil DEP dikeluarkan oleh UAM. Caj kursus DEP yang dikenakan oleh KPSM kepada pelajar merupakan perkhidmatan latihan bercukai dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 22

Universiti Awam Malaysia (UAM) merupakan sebuah Universiti Awam berstatus badan berkanun. Kolej Penerbangan Swasta Malaysia (KPSM) sebuah institusi pengajian tinggi swasta yang merupakan anak syarikat kepada UAM. KPSM tidak berdaftar di bawah Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996.

KPSM menawarkan Diploma Eksekutif Penerbangan (DEP). DEP tidak mempunyai akreditasi daripada MQA. Oleh yang demikian ia merupakan perkhidmatan latihan.

Penyediaan DEP yang berikan oleh KPSM, bayaran dibuat oleh pelanggan kepada UAM dan sijil dikeluarkan oleh UAM, caj kursus yang dikenakan oleh UAM kepada pelanggan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Caj yang dikenakan oleh KPSM kepada UAM merupakan perkhidmatan perundingan latihan dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

- c) tunjuk ajar dengan atau tanpa pengeluaran perakuan yang baginya fi dikenakan.

Perkhidmatan tunjuk ajar atau kejurulatihan adalah satu bentuk pembangunan di mana seseorang yang dipanggil jurulatih menyokong seorang pelajar atau pelanggan dalam mencapai matlamat peribadi atau profesional dengan menyediakan latihan dan bimbingan.

Contoh 23

Encik Roslan merupakan seorang pemain tenis profesional. Beliau memberikan perkhidmatan kejurulatihan kepada

pelanggannya. Perkhidmatan kejurulatihan yang diberikannya adalah sebuah perkhidmatan bercukai.

Contoh 24

Sinar Sdn Bhd merupakan satu institusi pusat bertauliah yang memberikan perkhidmatan pendidikan Sijil Kemahiran Malaysia yang diakreditasikan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006. Di antara perkhidmatan kemahiran yang diberikan adalah kemahiran menjahit, kemahiran automotif dan kemahiran seni dan multimedia. Perkhidmatan yang diberikan oleh Sinar Sdn Bhd merupakan perkhidmatan pendidikan dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Sila rujuk perenggan 14 - 18.

Contoh 25

Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) merupakan sebuah institusi pusat bertauliah di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Institusi ini menyediakan perkhidmatan pendidikan Sijil Kemahiran Malaysia yang diakreditasikan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006. Di antara perkhidmatan kemahiran yang diberikan adalah kemahiran menjahit, kemahiran automotif dan kemahiran seni dan multimedia. Perkhidmatan yang diberikan oleh ILKBS merupakan perkhidmatan pendidikan dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Selain daripada itu, ILKBS juga merupakan bukan orang kena cukai (non-taxable person) kerana ia di bawah Kerajaan Persekutuan.

Contoh 26

Azin Photography Akademi menyediakan kursus kemahiran fotografi. Bayaran dikenakan kepada setiap peserta yang menyertai kursus kemahiran tersebut. Perkhidmatan yang

diberikan oleh Azin Photography Akademi adalah suatu perkhidmatan tunjuk ajar dan ia adalah perkhidmatan bercukai.

27) Perkhidmatan pendidikan adalah tidak termasuk di bawah perkhidmatan perundingan, latihan atau tunjuk ajar seperti mana yang dinyatakan di bawah perenggan 14 - 18.

Perkhidmatan Perundingan, Latihan dan Tunjuk ajar Yang Bukan Perkhidmatan Bercukai

28) Bagi tujuan cukai perkhidmatan, selaras dengan pengecualian di bawah Ruang (2), Butiran (g), Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, perkhidmatan perundingan berikut tidak dianggap sebagai suatu perkhidmatan bercukai:

- a) Perkhidmatan perundingan berkaitan perkhidmatan jagaan kesihatan. Jagaan kesihatan adalah merujuk kepada permasalahan kesihatan yang mana melibatkan arahan atau preskripsi doktor;

Contoh 27

Encik Haris mengalami kecederaan di lutut ketika bersukan. Beliau seterusnya hadir ke hospital dan bertemu Doktor Zahid bagi mendapatkan khidmat nasihat cara rawatan yang diperlukan. Melalui pemeriksaan yang dibuat, Doktor Zahid menyarankan Encik Haris untuk melakukan MRI (magnetic resonance imaging) bagi memastikan tahap serius kecederaan tersebut. Doktor Zahid mengenakan caj perundingan kepada Encik Haris. Caj perundingan ini bukan suatu perkhidmatan bercukai kerana ia adalah berkaitan dengan perkhidmatan jagaan kesihatan.

Contoh 28

Encik Khan adalah seorang penghidap kanser tulang. Doktor mengeluarkan surat rujukan untuk beliau melantik seorang perunding kesihatan peribadi bagi memastikan perkembangan kesihatan beliau dipantau secara rapi dan seterusnya

memberikan khidmat nasihat akan penjagaan dan rawatan yang diperlukan. Perunding kesihatan peribadi tersebut mengenakan caj perundingan kepada Encik Khan. Caj perundingan ini bukan suatu perkhidmatan bercukai kerana ia adalah berkaitan dengan perkhidmatan jagaan kesihatan.

Contoh 29

Cik Linda melantik seorang perunding kesihatan pemakanan bagi memastikan pengambilan makanan seharian adalah mengikut tahap yang diinginkan. Perunding kesihatan pemakanan tersebut mengenakan caj perundingan kepada Linda. Caj perundingan tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Ia tidak dianggap sebagai suatu khidmat perundingan yang berkaitan dengan kesihatan.

- b) Perkhidmatan perundingan berkaitan perkhidmatan veterinar.

Contoh 30

Cik Inaz menghantar kucing peliharaannya berjumpa pakar veterinar kerana terkena jangkitan penyakit kulit. Pakar veterinar tersebut mengenakan caj perundingan ke atas perkhidmatan veterinar yang diberikan. Caj perundingan ini bukan suatu perkhidmatan bercukai kerana ia adalah berkaitan dengan perkhidmatan veterinar.

Contoh 31

Majlis Perbandaran Sepang (MPS) sedang mengalami masalah anjing liar berkeliaran yang serius. Bagi tujuan operasi menangkap anjing-anjing liar ini, MPS melantik Doktor Yusri seorang doktor veterinar sebagai perunding kesihatan dalam operasi tersebut. Peranan Doktor Yusri adalah memberikan khidmat nasihat dalam memastikan keselamatan pegawai operasi dan anjing-anjing tersebut terjaga. Doktor Yusri mengenakan caj perundingan kepada MPS. Caj perundingan ini

bukan suatu perkhidmatan bercukai kerana ia adalah berkaitan dengan perkhidmatan veterinar.

- c) Perkhidmatan perundingan berkaitan –
- i) Barang atau tanah yang terletak di luar Malaysia;

Contoh 32

Syarikat Gorgeous ID Sdn Bhd (GID) dilantik untuk memberi khidmat perunding hiasan dalaman sebuah bangunan kelab persendirian di Singapura. Perkhidmatan perundingan yang diberikan adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ia berkaitan dengan tanah (bangunan) di luar negara.

- ii) Perkara di luar Malaysia selain perkara yang dinyatakan dalam (i);

Contoh 33

Ayub Consultancy Sdn Bhd (ACSB) memberikan perkhidmatan perundingan sistem perbankan Islam kepada sebuah bank di Thailand. Perkhidmatan perundingan yang diberikan adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana sistem tersebut akan digunakan sepenuhnya di Thailand.

- d) Perkhidmatan latihan atau tunjuk ajar yang diberikan oleh mana-mana pusat latihan atau pusat tunjuk ajar kepada mana-mana orang yang memegang Kad OKU yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685]–
- i) Yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan;

Contoh 34

Pusat Latihan Autism berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Perkhidmatan latihan perkembangan autism yang diberikan kepada individu autism yang memegang Kad OKU yang sah adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 35

Pusat Latihan Autism berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Perkhidmatan latihan teknik penjagaan individu autism yang diberikan kepada individu yang tiada Kad OKU yang sah merupakan perkhidmatan bercukai dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

- ii) Yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat; atau

Contoh 36

Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan (PLPP) merupakan sebuah institusi yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang memberikan perkhidmatan kepada orang kurang upaya anggota (OKU) melalui latihan vokasional serta pemulihan perubatan. Perkhidmatan latihan vokasional yang disediakan oleh PLPP yang diberikan kepada individu pemegang Kad OKU yang sah adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

- iii) Yang diiktiraf oleh mana-mana persatuan kebangsaan orang kurang upaya yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia;

Contoh 37

Pusat Latihan Pekak Selangor (PLPS) mendapat pengiktirafan daripada Persatuan Orang Pekak Kebangsaan Malaysia (POPKM) merupakan organisasi bukan kerajaan (NGO) peringkat kebangsaan yang terlibat dengan orang kurang upaya yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia. Perkhidmatan latihan yang disediakan oleh PLPS yang diberikan kepada individu memegang Kad OKU yang sah adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan Bercukai Berhubung Kawasan Ditetapkan (*Designated Area*)

29) Berdasarkan Seksyen 48, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, tiada cukai perkhidmatan boleh dikenakan ke atas perkhidmatan perundingan, latihan atau tunjuk ajar yang diberikan di dalam atau di antara kawasan ditetapkan atau di antara kawasan ditetapkan (KD) dengan kawasan khas (KK).

Contoh 38

Gorgeous ID Sdn Bhd (GID) adalah sebuah perunding hiasan dalam yang ditubuhkan di Langkawi, Kedah. GID dilantik untuk memberi perkhidmatan perundingan hiasan dalaman oleh sebuah syarikat yang juga berada di Langkawi. Perkhidmatan perundingan yang diberikan oleh GID adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 39

Berdasarkan contoh 38, GID juga ada memberikan perkhidmatan perundingan kepada Syarikat Labuan Investment Sdn Bhd di Labuan. Perkhidmatan perundingan yang diberikan oleh GID adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

30) Berdasarkan Seksyen 49, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, walaupun syarikat ditubuhkan di kawasan yang ditetapkan, perkhidmatan perundingan, latihan atau tunjuk ajar yang diberikan masih akan tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya ia diberikan kepada orang di dalam Malaysia (selain KD dan KK).

Contoh 40

Berdasarkan contoh 39, salah satu pelanggan GID adalah sebuah syarikat di Kuala Lumpur. Perkhidmatan perundingan yang diberikan oleh GID adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

31) Berdasarkan Seksyen 50, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 pula, walaupun perkhidmatan perundingan, latihan atau tunjuk ajar diberikan di dalam kawasan ditetapkan, ia masih tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya ia diberikan oleh syarikat yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia (selain KD dan KK).

Contoh 41

Interior ID Sdn Bhd (IID) adalah sebuah perunding hiasan dalam yang ditubuhkan di Kuala Lumpur dan tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia. IID dilantik untuk memberi perkhidmatan perundingan hiasan dalaman oleh sebuah syarikat yang berada di Langkawi. Perkhidmatan perundingan yang diberikan oleh IID adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan Bercukai Berhubung Kawasan Khas (Special Area)

32) Berdasarkan Seksyen 53, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, tiada cukai perkhidmatan boleh dikenakan ke atas perkhidmatan perundingan, latihan atau tunjuk ajar yang diberikan di dalam atau di antara kawasan khas (KK) atau di antara kawasan khas dengan kawasan ditetapkan (KD).

33) Berdasarkan Seksyen 54, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, walaupun syarikat ditubuhkan di kawasan khas, perkhidmatan perundingan, latihan atau tunjuk ajar yang diberikan masih akan tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya ia diberikan kepada orang di dalam Malaysia (selain KD dan KK).

34) Berdasarkan Seksyen 55, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 pula, walaupun perkhidmatan perundingan, latihan atau tunjuk ajar diberikan di dalam kawasan khas, ia masih tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya ia diberikan oleh syarikat yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia (selain KD dan KK).

Isu Peralihan

35) Bagi tujuan cukai perkhidmatan, perkhidmatan perundingan, latihan dan tunjuk ajar adalah perkhidmatan bercukai. Perkhidmatan perundingan adalah perkhidmatan bercukai berkuat kuasa pada 1 September 2018 manakala bagi perkhidmatan latihan dan tunjuk ajar, ia adalah perkhidmatan bercukai berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

Seksyen 11(3)(c), Akta Cukai Perkhidmatan 2018

36) Jika suatu perkiraan atau perjanjian dibuat dalam tempoh dari 1 Jun 2018 hingga 31 Ogos 2018 yang mana perkhidmatan perundingan, latihan atau tunjuk ajar itu diberikan atau dilaksanakan selepas tarikh efektif, maka –

- a) perkiraan atau perjanjian yang dibuat itu akan dianggap sebagai dibuat pada tarikh perkhidmatan itu diberikan walaupun apa-apa bayaran (secara keseluruhan atau sebahagian) diterima atau invois dikeluarkan dalam tempoh 1 Jun hingga 31 Ogos 2018;
- b) apa-apa bayaran yang diterima dalam tempoh itu atau pada atau selepas tarikh efektif, atau invois dikeluarkan dalam tempoh itu, hendaklah disifatkan telah diterima atau dikeluarkan pada tarikh perkhidmatan itu diberikan; dan
- c) cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan hendaklah menjadi genap masa pada tarikh perkhidmatan itu diberikan.

Contoh 42

Bank Malaysia Berhad (BMB), menandatangani suatu kontrak bernilai RM5,000 dengan Akademi Diri Malaysia (ADM) pada 4 Jun 2018 untuk memberikan perkhidmatan perundingan penampilan korporat kepada semua kakitangan BMB. Perkhidmatan tersebut diberikan pada 10 September 2018. Bayaran penuh RM10,000 telah dibuat pada ADM pada 4 Jun 2018 dan invois dikeluarkan pada tarikh yang sama. Perkhidmatan perundingan yang diberikan ini adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. ADM perlu mengakaunkan 6% cukai perkhidmatan ke atas nilai RM5,000 yang dikenakan kepada BMB.

Contoh 43

Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah melantik dan menandatangani kontrak pada 30 Ogos 2018 dengan Syarikat Padu Sdn Bhd (SPSB) untuk penyediaan perkhidmatan kursus 'team building' yang akan diadakan pada 4 April 2019. Bayaran penuh telah dibuat pada 30 Ogos 2018 dan invois telah dikeluarkan pada hari yang sama. Perkhidmatan kursus tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. SPSB perlu mengakaunkan 6% cukai perkhidmatan ke atas nilai perkhidmatan yang dikenakan

untuk tempoh bercukai April 2019.

Peraturan 3A, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan) (No.3) 2018

37) Jika terdapat suatu perubahan dalam mana-mana perkhidmatan bercukai sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, kesan perubahan itu ke atas cukai perkhidmatan adalah seperti yang berikut:

- a) Dalam hal jika perkhidmatan bercukai tidak lagi dinyatakan sebagai suatu perkhidmatan bercukai dalam Jadual Pertama dan pemberian perkhidmatan itu menjangkau selepas perubahan itu, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas bahagian perkhidmatan yang boleh dihubungkan dengan bahagian tempoh sebelum tarikh perubahan itu.
- b) Dalam hal suatu perkhidmatan baharu dinyatakan sebagai suatu perkhidmatan bercukai dan pemberian perkhidmatan itu menjangkau selepas perubahan itu, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas bahagian perkhidmatan yang boleh dihubungkan dengan bahagian tempoh selepas tarikh perubahan itu.

Contoh 44

Syarikat Ilham Training Sdn Bhd telah menandatangani kontrak latihan dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia pada Oktober 2018 bagi perkhidmatan latihan kecergasan kepada pegawai kastam untuk tempoh November 2018 sehingga Oktober 2019. Pembayaran hanya dibuat selepas perkhidmatan diberikan. Perkhidmatan latihan bagi bulan November 2018 sehingga Februari 2019 adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Manakala bagi perkhidmatan latihan bagi bulan Mac sehingga tamat kontrak adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

- c) Dalam hal jika suatu perkhidmatan baharu dinyatakan sebagai suatu perkhidmatan bercukai dan sebelum tarikh perubahan itu apa-apa bayaran diterima berkaitan dengan perkhidmatan itu, tiada cukai perkhidmatan dikenakan ke atas bayaran yang diterima itu.

Contoh 45

Huda membayar yuran latihan keusahawanan kepada syarikat Rosz Training Sdn Bhd pada bulan November 2018 untuk suatu kelas latihan keusahawanan pada bulan April 2019. Rosz Training Sdn Bhd adalah orang berdaftar SST pada Mac 2019. Perkhidmatan latihan yang diberikan kepada Huda adalah tidak tertakluk pada cukai perkhidmatan.

Cukai Perkhidmatan yang Genap Masa (Service Tax Due)

38) Berdasarkan Seksyen 7, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, cukai perkhidmatan perlu dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang diberikan di Malaysia oleh orang berdaftar.

39) Cukai perkhidmatan yang dikenakan kepada pelanggan perlu diikrarkan dan dibayar kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia hanya apabila bayaran telah diterima daripada pelanggan.

Contoh 46


Ayub Consultancy Sdn Bhd (ACSB) merupakan sebuah syarikat perunding perkhidmatan teknologi maklumat. ACSB selaku orang berdaftar SST memberikan perkhidmatan perundingan IT kepada Syarikat Yan Sdn Bhd (SYSB) pada Oktober 2018 di mana cukai perkhidmatan dikenakan. Invois kepada SYSB telah dikeluarkan pada Oktober 2018 namun bayaran hanya diterima pada Disember 2018. Bagi perkhidmatan yang diberikan kepada SYSB, ACSB akan membuat pengikraran dan pembayaran cukai perkhidmatan pada bulan Januari 2019 (bagi tempoh bercukai November – Disember) kerana bayaran diterima pada Disember 2018.

PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR

40) Perkhidmatan latihan dan tunjuk ajar merupakan satu perkhidmatan bercukai yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2019.


41) Bagi tujuan pendaftaran di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018, mana-mana

orang yang memberikan perkhidmatan latihan atau tunjuk ajar hendaklah membuat pengiraan ke atas jualan perkhidmatan bercukai yang diberikan pada bulan Januari 2019 dan sebelas bulan sebaik sahaja bulan Januari 2019. Sekiranya jumlah nilai perkhidmatan bercukai tersebut melebihi RM500,000, permohonan untuk tujuan pendaftaran perkhidmatan bercukai tersebut hendaklah dipohon tidak lewat dari 28 Februari 2019.



42) Pendaftaran mula berkuatkuasa mulai 1 Mac 2019 seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 13(3), Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan mulai 1 Mac 2019.

43) Mana-mana orang yang menjadi orang berdaftar sebelum 1 Januari 2019 dan memberi perkhidmatan bercukai baru ini di mana nilai perkhidmatan bercukai untuk tempoh Januari 2019 dan sebelas bulan ke hadapan dijangka melebihi RM500,000, permohonan penambahan aktiviti perkhidmatan baru ini hendaklah dibuat sebelum 28 Februari 2019. Cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan baru ini hendaklah dikenakan mulai 1 Mac 2019.



44) Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk:

- a) Mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai;
- b) Mengeluarkan invois dan resit kepada pelanggan berkenaan dengan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai;
- c) Mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 secara elektronik/ manual dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh;
- d) Menyimpan rekod yang sewajarnya berhubung dengan transaksi cukai perkhidmatan.

45) Untuk maklumat lanjut mengenai tanggungjawab orang berdaftar, sila rujuk **Panduan Umum Cukai Perkhidmatan**.

SOALAN – SOALAN LAZIM

- 1. S : Bilakah tarikh kuat kuasa cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan perundingan?**

J : Tarikh kuat kuasa cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan perundingan adalah 1 September 2018.
- 2. S : Adakah tarikh kuat kuasa cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan latihan dan tunjuk ajar juga pada 1 September 2018?**

J : Tidak. Tarikh kuat kuasa cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan latihan dan tunjuk ajar adalah 1 Januari 2019.
- 3. S : Adakah orang yang berstatus orang berdaftar pada 1 Januari 2019 perlu mengenakan cukai perkhidmatan bermula 1 Januari 2019 ke atas perkhidmatan latihan atau tunjuk ajar yang diberikan bermula 1 Januari 2019?**

J : Tidak, berdasarkan pengumuman Jabatan Kastam Diraja Malaysia pada 31 Disember 2018, perkhidmatan latihan dan perkhidmatan tunjuk ajar hanya akan mula dikenakan cukai perkhidmatan bermula 1 Mac 2019. Ini juga terpakai untuk orang yang berstatus orang berdaftar pada 1 Januari 2019.
- 4. S : Berapakah nilai ambang bagi perkhidmatan perundingan, latihan atau tunjuk ajar?**

J : Nilai ambang bagi perkhidmatan perundingan, latihan atau tunjuk ajar adalah RM500,000.
- 5. S : Bagi tujuan kiraan nilai ambang, adakah perlu dikira secara keseluruhan atau berasingan sekiranya mana-mana orang itu memberikan lebih dari satu perkhidmatan bercukai di dalam Kumpulan G?**

- J : Bagi tujuan kiraan nilai ambang, mana-mana orang kena cukai dalam ruang (1) Kumpulan G yang mempunyai jumlah nilai perkhidmatan bercukai, sama ada digabungkan atau tunggal, lebih daripada RM500,000 bagi mana-mana satu perkhidmatan bercukai atau lebih yang dinyatakan dalam ruang (2) Kumpulan G, dia adalah wajib untuk berdaftar
6. S : **Syarikat A menyediakan perkhidmatan kejuruteraan, arkitek dan perundingan. Nilai pendapatan terkumpul bagi ketiga-tiga perkhidmatan ini adalah RM600,000 untuk tempoh 12 bulan kebelakang. Adakah Syarikat A wajib berdaftar di bawah cukai perkhidmatan?**
- J : Ya. Syarikat A adalah wajib berdaftar di bawah cukai perkhidmatan. Ini kerana perkhidmatan kejuruteraan, arkitek dan perundingan adalah perkhidmatan bercukai di bawah Kumpulan G di mana untuk tujuan nilai ambang, kiraan perlu digabungkan.
7. S : **Merujuk kepada perkhidmatan perundingan, adakah suatu perkhidmatan itu hanya akan dianggap sebagai perkhidmatan perundingan sekiranya ia melibatkan khidmat nasihat?**
- J : Tidak. Bagi tujuan cukai perkhidmatan, selain daripada khidmat nasihat, perkhidmatan perundingan adalah termasuk perkhidmatan penggredan / penarafan, perkhidmatan pengujian dan perkhidmatan latihan. Sila rujuk perenggan 23(a).
8. S : **Syarikat A Sdn Bhd melantik Syarikat B Consulting Sdn Bhd (orang berdaftar GST dan SST) pada 1 Januari 2018 untuk mendapatkan perkhidmatan perundingan berkenaan sistem perakaunan yang akan digunakan. Syarikat A Sdn Bhd telah membuat bayaran penuh kepada Syarikat B Consulting Sdn Bhd pada Februari 2018. Perkhidmatan tersebut selesai diberikan pada Disember 2018. Apakah layanan cukai GST dan**

SST terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh Syarikat B Consulting Sdn Bhd?

- J : Selaku orang berdaftar GST, Syarikat B Consulting Sdn Bhd perlu mengakaunkan bayaran yang telah diterima pada Februari 2018. Ini kerana, dibawah perundangan GST, *Time of Supply* telah berlaku iaitu semasa bayaran diterima. Tiada lagi SST perlu diakaunkan kerana bayaran penuh telah diterima pada era GST walaupun perkhidmatan yang diberikan melangkaui era GST hingga ke era SST.
9. S : Syarikat A Sdn Bhd melantik Syarikat B Consulting Sdn Bhd (orang berdaftar GST dan SST) pada 1 Julai 2018 untuk mendapatkan perkhidmatan perundangan berkenaan sistem perakaunan yang akan digunakan. Syarikat A Sdn Bhd telah membuat bayaran penuh kepada Syarikat B Consulting Sdn Bhd pada Julai 2018. Perkhidmatan tersebut selesai diberikan pada Disember 2018. Apakah layanan cukai GST dan SST terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh Syarikat B Consulting Sdn Bhd?
- J : Merujuk kepada Seksyen 11(3)(c), Akta Cukai Perkhidmatan 2018, perkhidmatan perundangan tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan 6%. Sila rujuk perenggan 36.
10. S : Syarikat X Sdn Bhd melantik Syarikat Y Akademi Sdn Bhd pada 1 Oktober 2018 untuk mendapatkan perkhidmatan latihan Microsoft Office kepada kakitangan Syarikat X. Perkhidmatan latihan tersebut dijalankan pada Disember 2018. Apakah layanan SST terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh Syarikat Y Akademi Sdn Bhd ini?
- J : Perkhidmatan latihan Microsoft Office yang diberikan oleh Syarikat Y Akademi Sdn Bhd kepada Syarikat X Sdn Bhd adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana perkhidmatan latihan bukan suatu perkhidmatan bercukai pada Disember 2018.

11. S : Syarikat X Sdn Bhd melantik Syarikat Y Akademi Sdn Bhd pada 1 Disember 2018 untuk mendapatkan perkhidmatan latihan *Microsoft Excel* kepada kakitangan Syarikat X. Perkhidmatan latihan tersebut dijalankan pada Mac 2019. Syarikat X Sdn Bhd membuat bayaran kepada Syarikat Y Akademi Sdn Bhd pada Mac 2019. Apakah layanan SST terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh Syarikat Y Akademi Sdn Bhd ini?

J : Perkhidmatan tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Sila rujuk perenggan 37.2.

12. S : Syarikat X Sdn Bhd melantik Syarikat Y Akademi Sdn Bhd pada 1 Disember 2018 untuk mendapatkan perkhidmatan latihan *Microsoft Excel* kepada kakitangan Syarikat X. Perkhidmatan latihan tersebut dijalankan pada Mac 2019. Syarikat X Sdn Bhd telah membuat bayaran kepada Syarikat Y Akademi Sdn Bhd pada Disember 2019. Apakah layanan SST terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh Syarikat Y Akademi Sdn Bhd ini?

J : Perkhidmatan latihan yang diberikan adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Sila rujuk perenggan 37.3.

14. S : Adakah perkhidmatan perundingan yang diberikan oleh orang yang tempat utama perniagaannya di Langkawi kepada orang di Kuala Lumpur tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Ya. Perkhidmatan tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Ini kerana perkhidmatan tersebut diberikan kepada kawasan utama kastam (KUK).

15. S : Adakah perkhidmatan latihan yang diberikan di Labuan oleh orang yang tempat perniagaan utamanya di Kuala Lumpur tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Ya. Perkhidmatan tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Ini kerana perkhidmatan tersebut diberikan oleh orang yang tempat perniagaan utamanya di kawasan utama kastam (KUK).

16. S : Adakah orang berdaftar perlu mengeluarkan invois?

J : Ya. Orang berdaftar perlu mengeluarkan invois ke atas semua perkhidmatan bercukai yang diberikan.

17. S : Bagaimanakah cara menghantar penyata dan membuat bayaran cukai perkhidmatan?

J : Orang berdaftar perlu mengemukakan penyata cukai perkhidmatan melalui borang SST-02 secara elektronik atau manual. Bayaran cukai perkhidmatan perlu dibayar secara elektronik atau cek yang perlu dipos ke Pusat Pemprosesan Kastam Kelana Jaya.

18. S : Bilakah tarikh kuat kuasa pengenaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan latihan atau tunjuk ajar berkaitan dengan barang atau tanah terletak di luar Malaysia atau perkara di luar Malaysia?

J : Berkuat kuasa 26 Februari 2024, perkhidmatan latihan atau tunjuk ajar berkaitan dengan barang atau tanah terletak di luar Malaysia atau perkara di luar Malaysia adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

19. S : Syarikat Quality Prime Machinery Sdn Bhd (QPMSB) merupakan sebuah syarikat yang menjual mesin pemprosesan makanan industri. QPMSB telah menjual mesin pemprosesan daging industri kepada SuraView Central Kitchen Co. Ltd

(SCK) di Indonesia. QPMSB telah mengeksport mesin pemprosesan daging tersebut ke premis SCK di Indonesia.

Setelah menerima mesin yang dibeli, SCK mendapati pekerjaanya memerlukan latihan yang terperinci berkaitan dengan tatacara penggunaan mesin industri yang dibeli. Oleh yang demikian, SCK memohon QPMSB menyediakan latihan secara atas talian berkaitan dengan tatacara penggunaan mesin industri tersebut.

QPMSB yang berada di Malaysia menyediakan perkhidmatan latihan secara atas talian berkaitan dengan mesin pemprosesan daging industri yang terletak di dalam premis SCK di Indonesia.

Adakah perkhidmatan latihan secara atas talian berkaitan dengan mesin pemprosesan daging industri yang terletak di dalam premis SCK di Indonesia tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Berkuat kuasa 26 Februari 2024, perkhidmatan latihan secara atas talian yang diberikan oleh QPMSB di Malaysia berkaitan dengan mesin pemprosesan daging industri yang terletak di dalam premis SCK di Indonesia tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

20. S : Palm Development Sdn Bhd (PDSB) telah menganjurkan Taklimat Pembangunan Kelapa Sawit Eropah di Kuala Lumpur. Peserta taklimat terdiri daripada individu dari dalam Malaysia dan individu dari luar Malaysia.

Adakah perkhidmatan latihan taklimat yang dijalankan oleh PDSB tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

- J : Berkuat kuasa 26 Februari 2024, program Taklimat Pembangunan Kelapa Sawit Eropah yang dianjurkan oleh PDSB merupakan latihan berkaitan dengan perkara luar Malaysia yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
21. S : **Bilakah tarikh pengenalan perkhidmatan perundingan, latihan atau tunjuk ajar dikenakan pada kadar 8%?**
- J : Berkuat kuasa 1 Mac 2024, perkhidmatan perundingan, latihan atau tunjuk ajar tertakluk pada kadar 8%.
22. S : **Syarikat Training Consultation Sdn Bhd (TCSB) telah menandatangani kontrak penyediaan perkhidmatan latihan kepada agensi kerajaan bagi tempoh 2 tahun mulai 01.06.2023 sehingga 31.05.2025. Invois dikeluarkan secara bulanan dengan 90 hari tempoh kredit pembayaran. TCSB mengakaunkan cukai perkhidmatan menggunakan asas bayaran.**
- i) **Apakah kadar cukai perkhidmatan bagi pemberian perkhidmatan latihan ini?**
 - ii) **Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh TCSB bagi tujuan pelarasan kadar cukai perkhidmatan?**
- J :
- i) Perkhidmatan latihan yang disediakan sebelum 01.03.2024 adalah tertakluk pada kadar 6% dan perkhidmatan latihan yang disediakan pada/selepas adalah tertakluk pada kadar 8%. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat pembayaran yang diterima bagi perkhidmatan latihan yang disediakan pada/selepas 01.03.2024, bayaran tersebut tertakluk pada kadar 6%.
 - ii) TCSB perlu memohon kepada agensi kerajaan untuk melakukan semakan semula kontrak dengan mengambil kira kadar cukai baharu. TCSB hendaklah mengeluarkan nota debit sebagai pelarasan kenaikan 2% kadar cukai ke atas perkhidmatan latihan yang disediakan pada/selepas

01.03.2024. Nota debit ini hendaklah diakaunkan dalam penyata SST-02 pada masa nota debit itu dikeluarkan.

PERTANYAAN

Sebarang persoalan berkaitan panduan ini sila berhubung:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 6, Tower A, Suasana PjH,

Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2,

62100 Putrajaya.

BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

(i) Laman Web SST : <https://mysst.customs.gov.my>

(ii) Pusat Panggilan Kastam

- Hotline : 1-300-888-500
- Telefon : 03-8882 2100 / 2300 /2500
- Email : ccc@customs.gov.my

RINGKASAN PINDAAN PADA DOKUMEN

Versi 6 – 29 Februari 2024

Para	Keterangan
Para 8 - 10	Mewujudkan perenggan baharu
Para 19	Dipinda dengan menggantikan perkataan “11 - 15” kepada “14 - 18”
Para 22	Dipinda dengan menggantikan perkataan “18(i) – 18(v)” kepada “21(i) – 21(v)”
Para 23	Dipinda dengan menggantikan perkataan “18(v)” kepada “21(v)”
Para 26(a)(i)	Memasukkan perenggan (ii) selepas subperenggan 26(a)(i).
Para 26(b)	Dipinda dengan menggantikan perkataan: - “15 - 20” kepada “14 - 18” - “23(a)(iv)” kepada “26(a)(v)”
Contoh 24	Dipinda dengan menggantikan perkataan “11 - 15” kepada “14 - 18”
Para 27	Dipinda dengan menggantikan perkataan “11 - 15” kepada “14 - 18”
Contoh 39	Dipinda dengan menggantikan perkataan “contoh 37” kepada “contoh 38”
Contoh 40	Dipinda dengan menggantikan perkataan “contoh 38” kepada “contoh 39”
Para 28 (c)	Dipinda dengan memotong perkataan “ ,latihan atau tunjuk ajar”
Soalan-Soalan Lazim	Mewujudkan soalan dan jawapan 18, 19, 20, 21, dan 22.